

PERSAINGAN DALAM PERNIAGAAN: ANALISA MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-QURAN DAN SUNNAH

Ahmad Jihaduddin Bin Ripin @ Ariffin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.

Muhammad Fawwaz Bin Muhammad Yusoff

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: fawwaz@usim.edu.my

ABSTRAK

Persaingan dalam perniagaan merupakan suatu perkara yang perlu ditempuhi oleh setiap mereka yang berada dalam bidang ini. Dalam menghadapi cabaran dan risiko di segenap penjuru dimensi kehidupan harian, usahawan Muslim dipandu dengan kerangka objektif menurut al-Quran dan Sunnah. Justeru, kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep di samping ayat al-Quran dan Sunnah yang dikurniakan kepada umat Nabi Muhammad SAW dalam perbahasan objektif atau *maqasid* berhubung persaingan dalam perniagaan. Dengan kaedah kepustakaan secara penuh, kertas ini memberi penumpuan kepada *maqasid* ayat al-Quran dan Sunnah dalam menjelaskan prinsip yang melingkari dunia keusahawanan. Lingkaran penelitian atau tadabbur terhadap *maqasid* al-Quran dan Sunnah ini merangkumi tujuh elemen utama; tujuan, konsep, kelompok, hukum, nilai, bukti dan perintah. Secara ringkasnya, pengintegrasian tujuh elemen utama tersebut dapat menyajikan prinsip persaingan dalam perniagaan seiring dengan *maqasid* al-Quran dan Sunnah.

Kata Kunci: *Maqasid al-Quran*, Sunnah, Objektif, Konseptualisasi, Persaingan, PERNIAGAAN.

BAB 1 : PENGENALAN

Bab ini memberi gambaran awal tentang kajian ini melalui sorotan latar belakang persaingan dalam dunia keusahawanan menurut perspektif *maqasid* al-quran dan sunnah sebagai bidang penyelidikan yang telah dipilih. Seterusnya, kajian diteruskan dengan menganalisis dan mengenalpasti masalah serta jurang terhadap isu yang dikaji. Daripada permasalahan serta jurang yang didapati, persoalan dan objektif yang timbul bagi kajian ini turut dinyatakan pada bahagian bab ini. Isi-isi penting yang menggambarkan kajian ini pula dikukuhkan dengan

kepentingan kajian dan skop yang ingin difokuskan. Gambaran awal kajian ini diperincikan lagi dengan huraian definisi istilah tertentu, penjelasan bagi kerangka konsep kajian sebagai asas pembentukan metodologi serta pendekatan metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian.

1.1 PENGENALAN

Secara asas, kajian ini merupakan satu penyelidikan tentang persaingan di dalam dunia keusahawanan yang berpandukan penilaian al-Quran dan Sunnah. Pelaksanaan kajian ini pula adalah berpandukan konsep analisis keperluan. Kajian ini dimulai dengan penerokaan literatur secara meluas bagi mendapatkan latar belakang dan maklumat mengenai keusahawanan dan persaingan, ayat-ayat al-Quran dan Hadith berkaitan perniagaan dan *maqasid* dari keduanya. Ia juga dilakukan bagi mengenalpasti dunia persaingan dalam perniagaan dan objektif ayat dan hadis yang berkait dengan keusahawanan. Kajian dibuat dengan menganalisis ayat-ayat al-Quran dan hadith berkait perniagaan sehingga dapat mengeluarkan objektif dari ayat-ayat dan hadith tersebut. Hasil daripada kajian ini disasarkan akan dapat menjelaskan kepentingan dan keperluan daya saing semua usahawan dalam memantapkan perniagaan mereka terutama usahawan melayu yang masih ketinggalan jauh dengan usahawan-usahawan bukan melayu seterusnya menjadi satu asas dan cadangan untuk mengadakan satu model persaingan yang sihat berdasarkan al-Quran dan hadith.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mutakhir ini, jurang penguasaan dalam perniagaan semakin dirasakan oleh semua usahawan, ia menjadikan persaingan dalam dunia ini lebih menjurus kepada perkauman dan agama, Pada 24 oktober 2019 pihak kerajaan Malaysia pada waktu itu telah menyatakan pendirian bahawa landasan perniagaan harus terbuka kepada semua kaum di negara ini, selagi mana ia tidak bersifat monopoli serta menindas peluang untuk kaum lain kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (Firdaus Azil, 2019). Ini jelas menunjukkan semua bangsa tanpa mengira agama mereka boleh terlibat di dalam bidang keusahawanan. Namun itu bukanlah sesuatu masalah yang besar kerana masing-masing mempunyai hak untuk bersaing. Dengan wujudnya jurang perbezaan yang ketara antara usahawan bumiputra dan usahawan bukan bumiputra. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Forbes telah mengeluarkan data untuk 200 buah syarikat di Asia Pasifik yang terbaik dan sebanyak 16 buah syarikat di Malaysia yang disenaraikan dalam pasaran saham. 4 diantaranya yang tersenarai dalam pasaran adalah seperti berikut :

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

1- Ame Elite Consortium Berhad (isaham, 2021)

Share holder	Value (M)
Lee Chai	236.6
Lim Yook Kim	233.2
Kang Ah Chee	233.2
Lee Sai Boon	78.67
AIA Bhd	47.49
Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad	34.57
Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd	19.98
UOA Development Bhd	17.75

2-Frontken Corporation Berhad.(isaham, 2021)

Shareholder	Value (M)
Dazzle Clean Ltd	890.43
Ooi Keng Thye	441.08
Cheng Chew Giap	111.34
Kenanga Growth Fund	76.92
AIA Bhd.	62.81
Public Islamic Opportunities Fund	55.26
Morgan Stanley & Co. LLC	48.25
Acadian Emerging Markets Small Cap Equity Fund, LLC	47.13

3- Kossan Rubber Industries

Kossan Holdings (M) Sdn Bhd	3686.37
Employees Provident Fund Board	645.6
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	123.79
Tian Senn Resources Sdn Bhd	98.72
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	86.19
Prulink Equity Fund	86.19
Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad	74.43
Norges Bank	68.16

4- Lii Hen Industries Berhad (isaham, 2021).

Shareholder	Value (M)
--------------------	------------------

Assets Muar Sdn. Bhd.	227.88
Employees Provident Fund Board	16.53
Soon Peng Len	10.19
HSBC Private Bank (Suisse) SA	7.68
Toh Siew Tin	6.76
PB Islamic Smallcap Fund	5.84
Nahoorammah A/P Sithamparam Pillay	4.8
Ronie Tan Choo Seng	4.34

Jadual di atas menunjukkan secara jelas pemegang – pemegang saham yang terbesar di dalam syarikat yang diungguli mereka yang bukan bumiputra.(Forbes 2021). Maka menjadi tanggungjawab bumiputra untuk meletakkan diri mereka sebaris usahawan bukan bumiputra.

1.3 Sorotan Literatur

1.3.1 Maqasid al-Quran.

Al-Quran merupakan rujukan utama ajaran Islam. Ia mengandungi prinsip-prinsip dan panduan asas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia bermula dari hal-hal akidah dan ketuhanan sehinggalah permasalahan sosial, ekonomi dan politik. Ternyata banyak sekali ayat Al-Quran berbicara tentang dunia bisnes sebenar, tetapi lagi banyak menggunakan istilah-istilah dunia bisnes untuk teologi Islam yang mana bilangannya menghampiri 370 ayat.(Siti Anisah, 2017). Al-Quran tidak menggunakan perkataan bahasa Arab klasik yang tepat sepadan dengan perkataan bisnes, sebaliknya menggunakan istilah-istilah yang tidak langsung untuk membicarakan konsep bisnes seperti isytara, bai', tijarah, fulk, kaal dan wazan, dan saiyr. (Mohammad Shafi, 2000). Penggunaan metafora bisnes banyak digunakan didalam Al-Quran. (Hunter, M 2014). Disana juga terdapat suatu istilah iaitu Maqasid al-Quran, yang menunjukkan bahawa "objektif al-Quran yang lebih tinggi" ia juga berkait dengan suatu istilah yang lain seperti Maqasid al-Syariah (objektif undang-undang Islam yang lebih tinggi) yang telah diguna pakai oleh Cendekiawan Islam tersohor lebih dari 1000 tahun. Penggunaan tepat istilah ini adalah bertepatan dengan perkembangan konseptual yang cemerlang. Silih bergantinya penggunaan istilah ini dan pembangunan konseptualnya meninggalkan warisan yang kaya dengan cukup besar dan Kesusasteraan yang berwawasan mengenai Maqasid al-Quran.(Izz Abd salam). Penggunaan Istilah maqasid al-Quran mula ditemui di dalam karangan Imam al-Ghazali yang berjudul *Jawahir al-Quran* membincangkan berkenaan ilmu tasawuf.

Di antara ulama – ulama terkenal yang meyumbangkan buah fikiran mengenai istilah ini seperti Ibn al- Qayyim ‘Izz al-Din ibn ‘Abd al-Salam, Fakhr al-Razi, Abu Hamid al- Ghazali , Ibn al- Qayyim, Al-Shatibi, Al-Biqā‘i, Muhammad ‘Abduh, Rashid Rida , Badi‘uzzamandfbsd,sn Sa‘id Nursi, Ibn ‘Ashur, Hasan al-Banna, Abul ‘Ala Mawdudi, Muhammad Iqbal, Sayyid Qutb, Abul ‘Ala Mawdudi, ‘Izzat Darwazah, Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi (Islam, 2011). Pada permulaan perbahasan tentang maqasid al-Quran tidaklah terlalu diberikan perhatian dan mereka yang ahli dalam bidang penafsiran al-Quran tidak memberikan tumpuan terhadap ilmu ini. Berdasarkan perjalanan sejarah, istilah maqasid al-Quran tidak wujud pada era awal literatur al-Quran iaitu pada zaman Rasulullah S.A.W dan zaman sahabat (Islam, 2012). Al-Quran sentiasa menjadi subjek kajian bagi ilmuan yang mempunyai minat dan usaha untuk memahami kitab ini dengan mendalam. Pelbagai topik kajian berkaitan al-Quran ditulis seperti ulum al-Quran, tafsir, jenis-jenis tafsir, i’rab al-Quran, i’jaz dan apa sahaja ilmu yang berkait al-Quran. Selain itu terdapat juga ilmuan yang membuat kajian mengenai maqasid alQuran iaitu ilmu yang membahaskan mengenai maksud al-Quran berdasarkan matlamat utama al-Quran. Tazul Islam memulakan kajian mengenai maqasid al-Quran berkaitan konsep maqasid al-Quran dan perkembangannya. Penulisan beliau meneroka asal usul konsep ini dan kemudiannya menghuraikan perkembangannya dalam literatur al-Quran pada fasa awal, formatif, klasik dan moden. Maqasid al-Quran berkembang secara beransur-ansur melalui empat fasa tersebut namun ianya masih belum diperkenalkan sebagai konsep lengkap pemahaman al-Quran dan hampir tidak ada pendekatan maqasid eksklusif tafsiran yang telah dihasilkan (Islam, 2012). Enam tahun selepas itu Fikriyati (2018) juga membincangkan isu yang sama iaitu sejarah kemunculan maqasid al-Quran dalam khazanah Islam. Selepas itu Tazul Islam masih meneruskan penulisan mengenai maqasid al-Quran namun dari aspek kritikan analitis terhadap perbezaan di antara maqasid al-Quran dan maqasid syariah. Walaupun maqasid al-Quran dan maqasid syariah tidak dapat dipisahkan namun terdapat perbezaan daripada aspek semantik dan fungsi keduanya pada tahap penggunaan. Sumber maqasid al-Quran terbatas dalam ruang lingkup al-Quran manakala maqasid syariah boleh bersumberkan selain daripada al-Quran seperti ijma’, qias dan sebagainya. Walaubagaimanapun nuansa maqasid al-Quran lebih luas daripada nuansa maqasid syariah yang terhad kepada lima skop sahaja (Islam, 2013).

Firman Allah SWT :

“Dan apabila datang kepada mereka berita mengenai keamanan atau kecemasan mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikannya kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang yang berkuasa) di antara mereka tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-

orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihanNya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu)". (al-Nisa': 83)

Ayat ini menunjukkan bahawa setiap riwayat yang sampai kepada orang Muslim itu hendaklah diserahkan kepada orang yang layak untuk menelitinya secara mendalam. Pemahaman secara literal semata-mata tidak akan membawa kepada pemahaman yang tepat terhadap dalil-dalil Syara'. Ayat ini juga menjelaskan bahawa orang yang mampu melakukan proses *istinbat* dianggap sebagai ahli ilmu yang mesti dirujuk untuk memahami sesuatu isu. *Istinbat* ialah proses merumuskan *'illah*, makna dan tujuan orang yang mengucapkan kalam. (khalid

Ulama masa kini khususnya para pengkaji maqasid banyak membahaskan persoalan-persoalan penting berkenaan maqasid. Ia dilakukan bagi menjelaskan kepentingan dan peranannya, khususnya dalam fiqh Islam dan ilmu-ilmu syariah yang lain. Mereka mendapati istilah maqasid tidak mempunyai pengertian khusus yang memenuhi dua syarat pengertian, iaitu ia perlu bersifat menyeluruh (*jami'*) dan bersifat menangkis (*mani'*). Penetapan maqasid syariah dan hikmah disebalik hukum syarak adalah satu bidang penting, menafikan perbincangan maqasid hanya mengubah imej Islam pada pandangan manusia kepada agama yang jumud, sedangkan ia adalah syumul, praktikal dan anjal (Zaharuddin, 2014). Al-Quran dan hadis membawa Syariat Islam secara keseluruhan untuk kebaikan. Ini hakikat yang diterima oleh seluruh umat Islam dan ulangan pada setiap zaman, daripada setiap mazhab, kecuali mazhab Zahiri (Muhammad Abu Zuhrah, 2004). Maqasid al-Quran dan hadis semuanya adalah kebaikan sama ada menolak kemudharatan ataupun mendatangkan kebaikan. Allah SWT menjelaskan kepada kita dalam al-Quran, lalu dia menyuruh kita untuk menjauhinya. Dia juga menjelaskan pada sesuatu hukum itu terdapat kebaikan dan dia menyuruh kita mendapatkan kebaikan itu (Al-Izz Abd Sallam, 1991). Memahami maqasid merupakan suatu perkara yang penting, sekiranya maqasid tidak difahami dikhuatiri akan berlakunya amalan bidaah dan mengikut hawa nafsu. Al-Quran dan Hadis akan dilihat secara zahir tanpa penelitian terhadap maqasidnya (al-Raisuni, 1995). Maqasid al-Quran dan hadis merupakan himpunan tujuan-tujuan ketuhanan dan konsep konsep moral yang mendasari undang-undang Islam, seperti keadilan, kemuliaan manusia, kebebasan memilih, kemurahan hati, kesucian, serta kemudahan kepada manusia dan masyarakat yang saling bekerjasama. Oleh itu, semua tujuan dan konsep ini mewakili hubungan antara undang-undang Islam dan gagasan gagasan semasa, seperti hak-hak asasi manusia, pembangunan, keadilan sosial, selain mampu menjawab beberapa persoalan yang

berkitar dalam realiti masyarakat (Jaser Audah, 2014). Disebabkan itu kehidupan dan agama adalah dua perkara yang perlu disekalikan dan tidak boleh diceraikan. Dengan adanya agama maka kehidupan menjadi lebih teratur dan dapat melayari kehidupan ini dengan panduan yang betul. Malahan dalam konteks yang lebih besar, elemen tauhid tersebut memainkan peranan sebagai asas pemangkin kepada kemajuan dan kelancaran sosio ekonomi masyarakat dan negara.(Hamid & Ishak, n.d.)

1.3.2 Maqasid Sunnah :

Penyelidikan tentang objektif Sunnah Nabi tidak jauh dari objektif syariah, malah ia saling melengkapi di antara satu sama lain, oleh kerana Maqasid Syariah ia berakar umbi dari al-Quran, begitu juga ia berakar umbi dari Sunnah.(Islam Web, 2013).

Ulama Terdahulu telah memulakan perbincangan berkenaan maqasid ini seperti al-Juwayni (348 H), al-Ghazali (505 H) dan selainnya. Kemudian ia diteruskan oleh al-Syatibi (790 H) dan ulama kontemporari seperti Ibn 'Asyur (1393 H) yang telah menjadikan ilmu ini suatu perbahasan yang cukup baik menjadikan ia berdiri kukuh meletakkan ilmu maqasid berada pada disiplinnya yang tersendiri dan ia menjadi ilmu yang sangat hebat pada hari ini. Apa pun perbahasan dan perbincangan tersebut lebih terarah kepada Maqasid Syariah dan sebahagian kecil Maqasid al-quran. Adapun perbahasan berkenaan maqasid al-sunah adalah sangat terbatas walaupun ia merupakan satu sumber hukum yang besar dalam Islam.(Abdul hadi Awang).

Maqasid al-Sunnah merupakan satu konsep yang baru dan istilah ini telah digunakan sejak akhir-akhir ini sahaja, kebanyakan ulama kontemporari yang menggunakan istilah ini dan tidak ditemui penggunaannya secara meluas pada ulama' terdahulu. Perbicaraan maqasid secara umum telah banyak dibicarakan oleh para ulama sebelum ini namun perbahasan tersebut lebih tertumpu kepada maqasid al-Shariah. (Rizalman, 2016).

Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW dipenuhi dengan penjelasan hukum-hukum dengan ketetapan dan kepentingan-kepentingan yang didatangkan di dalam al-Quran dan Sunnah, dalam masa yang sama ia memperingatkan tentang hikmah-hikmah yang menyebabkan terbentuknya sesuatu hukum. (Ibnu al-Qayyim, 2006).

Al-Syatibi menyatakan bahawa masolih itu tidak melebihi tiga bahagian, iaitu: al-Dharuriat, al-Haajiyat, al-Tahsinat tidak ada yang lebih daripada ketiga-tiga ini seperti yang telah

ditetapkan di dalam kitab-kitab masolih. Apabila kita melihat kepada kepada Sunnah kita akan dapati bahawa ia tidak melebihi tiga objektif ini. Al-Quran datang dalam keadaan sebagai asal kepada Sunnah, manakala Sunnah datang sebagai cabang kepada al-Quran dan penjelasan tentang apa yang terkandung di dalamnya. Tidak ditemui di dalam Sunnah kecuali yang berkaitan dengan ketiga-tiga bahagian tersebut.

Definisi Maqasid Sunnah Nabawi:

Istilah "Maqasid al-Sunnah" merujuk kepada matlamat "umum" yang ingin dicapai oleh Sunnah dalam kehidupan manusia, dan ia juga merujuk kepada matlamat "khas" yang telah ditetapkan mencapai setiap daripada sunnah dengan ketetapan yang khusus (Mahmud, 2018). Maqasid Sunnah pada umumnya adalah sama dengan maqasid al-Quran kerana maqasid Sunnah tidak lebih daripada mengulang, menguatkan dan menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh maqasid al-Quran secara umum. Namun, secara khusus terdapat perbezaan antara maqasid al-Quran dan maqasid Sunnah iaitu berkaitan tentang maqasid Sunnah secara khusus dan praktikal.

Terdapat dua perkara penting dalam maqasid Sunnah untuk membina kefahaman yang benar dan menunjukkan jalan agama yang sahih menurut al- Raysuni:

1. Berusaha meletakkan Sunnah dan hadis Nabi SAW di tempatnya yang sepatutnya bertepatan dengan maqasid syara'.
2. Mengelakkan daripada terjatuh dalam tafsiran dan amalan yang menyimpang daripada tujuan sebenar syara' sehingga menyebabkan berlaku penyelewengan agama. Bagi memahami maqasid Sunnah dengan tepat, al- Raysuni telah meletakkan dua kaedah utama untuk difahami dengan baik iaitu mengetahui kedudukan dan sifat Nabi SAW ketika menyampaikan kata-kata dan mengetahui sebab wurud hadis dan memahami konteksnya.(al-Raysuni, 2013).

1.3.3 Keusahawanan

Tanpa panduan agama akan menyebabkan para usahawan terkontang kanting jauh dari panduan, perlu di ingat di dalam dunia perniagaan akan terjadi persaingan yang sangat kuat kadang-kadang menyebabkan para usahawan menghalalkan segala bentuk dan cara untuk memastikan keuntungan, sehingga yang sering terjadi perebutan dan persaingan yang tidak harmoni dan sihat dalam dunia keusahawanan. Persaingan dan perebutan yang tidak harmoni ini akan merugikan masyarakat selain juga dalam jangka panjang akan memberikan impak yang negatif kepada usahawan itu sendiri(Latif, 2017). Meletakkan agama sebagai landasan

akan membawa kejayaan, usahawan Muslim yang cemerlang meyakini konsep keberkatan rezeki, ia adalah ketentuan Allah dan mestilah sentiasa berdoa kepadanya. Selain itu elemen ibadah yang diterapkan dalam kehidupan mereka melibatkan zakat, sedekah, solat sunat, bacaan al-Quran, saling tolong menolong dalam kebaikan dan mengeratkan silaturrahim merupakan punca keberkatan rezeki. Elemen akhlak pula menunjukkan sifat syukur, tawakal, sabar dan pemurah menjadi amalan usahawan Muslim berjaya. Oleh itu untuk berjaya dan mencapai al-falah, usahawan Muslim perlu menerapkan dan mengamalkan nilai-nilai keimanan, meningkatkan dan beristiqamah dalam beribadah serta berakhak mulia. Mereka perlu berusaha dengan tekun dan bersungguh-sungguh dalam mengurus perniagaan mereka dengan baik serta bijaksana, seterusnya berdoa dan berserah kepada Allah untuk memperolehi kejayaan dunia dan akhirat. (Abu Bakar Hamed, 2018). Islam menggalakkan pengikutnya untuk menceburi bidang keusahawanan bagi meningkatkan kehidupan sosial dan ekonomi mereka, dan sembilan dari sepuluh sumber rezeki berasal dari dunia keusahawanan. Keusahawanan adalah salah satu ibadah yang sangat baik kerana ia merangkumi muamalat secara sukarela seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah An-Nisa (4:29) Al-Quran. Yang bermaksud *“wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang terjadi atas dasar suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu . Sesungguhnya Allah maha penyayang kepadamu”*. (Rekarti et al., 2019)

Sebagaimana yang dimaklumi Islam merupakan agama rasmi di Malaysia sepertimana yang termaktub di dalam perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Bancian yang dilakukan, menunjukkan Penduduk Malaysia yang menganut agama Islam adalah sebanyak 64.3 peratus daripada keseluruhan rakyat yang berjumlah 32,774,124 juta pada tahun 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2021). Walau bagaimanapun didapati terdapat ramai usahawan muslim di negara ini tidak mengamalkan ajaran dan syariat Islam dalam bidang keusahawanan mereka. Situasi ini amat mengecewakan dan tidak sepatutnya terjadi kepada usahawan muslim. Lebih daripada 75 peratus usahawan muslim di Malaysia tidak menurut garis panduan dan nilai-nilai Islam dalam perniagaan mereka. Majoriti peladang cina tidak berminat untuk bermualamah dengan peniaga dan pemborong muslim hasil dari sikap usahawan muslim yang tidak berpegang pada janji. Terdapat juga di kalangan usahawan Muslim yang mengabaikan personaliti dan akhlak sebagai seorang usahawan Muslim. Terdapat di kalangan usahawan yang bersikap ananiah, maaliah, mencari jalan singkat untuk mendapatkan keuntungan sehingga sanggup mengetepikan nilai-nilai suci agama dan kemaslahatan umum rakyat sejagat. Selain itu, ada di kalangan usahawan Muslim melibatkan

diri di dalam aktiviti keusahawanan hanyalah secara kebetulan, sebenarnya mereka tidak mempunyai minat dan keinginan untuk menjadi individu yang terlibat dalam dunia keusahawanan, tetapi penglibatan mereka hanyalah angkara beberapa sebab yang lain antaranya untuk mendapatkan peluang apabila diberi kontrak menerusi hubungan kenalan politik, tidak mempunyai pilihan kerjaya lain kerana kelulusan yang ada tidak memenuhi piawaian atau memang tidak mempunyai kelulusan dan peluang pekerjaan yang terhad selepas mendapat segolong ijazah dan menjadikan bidang keusahawanan hanyalah sementara sebelum mendapat pekerjaan yang lain (Muhammad Ali Hashim, 2004). Terdapat rumusan berkenaan keusahawanan atau perniagaan dalam Islam ia merangkumi hubungan insan dengan Allah (Hablumminallah) dan hubungan insan sesama insan (hablumminannas). Konsep keusahawanan dengan Allah, iaitu Allah membuka pintu keimanan, ketakwaan dan amal soleh hamba-Nya dengan hidup yang hasanah di dunia dan dan hasanah di akhirat. Dalam hubungan sesama insan dunia keusahawanan yang dijalankan mestilah berdasarkan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Ketaatan ini dilihat sebagai ibadat yang mana akan mendapat ganjaran di dunia dalam bentuk material dan barakah dan ada ganjaran daripada Allah yang menanti di akhirat. Penolakan konsep ini dianggap bathil oleh Islam sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an di bawah: "Mereka menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit (dari faedah-faedah dunia), lalu mereka menghalangi (dirinya dan orang-orang lain) dari agama Allah; sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah kerjakan". (al-Qur'an, al-Tawbah 9:9) Aktiviti keusahawanan sangatlah dituntut di dalam Islam selaras firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah yang bermaksud: "Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang 'Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan berdoa, "talbiah", dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebut-Nya sebagaimana Ia telah memberikan pertunjuk hidayah kepada kamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalann ibadatnya". (al-Qur'an, al-Baqarah 2:198).

Ayat di atas menunjukkan bahawa berusaha untuk mencari harta kerana membina suatu kehidupan yang lebih baik dan sempurna untuk diri sendiri dan keluarga supaya seseorang dapat berdikari tanpa bergantung kepada belas ehsan dan pemberian daripada orang lain. Malah keusahawanan itu adalah suatu ibadah dan jihad fisabilillah di mana seorang usahawan muslim

perlulah menyedari bahawa mereka bukan sekadar meletakkan keuntungan semata-mata, tetapi juga menyahut tuntutan fardhu kifayah yang diletakkan ke atas bahu mereka. Perlu diberi perhatian bahawa seorang usahawan yang berjuang dalam usahanya untuk melaksanakan perniagaan yang halal dan menurut segala peraturan muamalah dan syariat Islam dengan tujuan membangun dan memajukan ekonomi umat Islam adalah satu jihad di jalan Allah. (Suhaila Nadzry & Salmy Edawati Yaacoob, 2019)

Hakikatnya, di dalam memburu kejayaan di dalam perniagaan, seorang usahawan perlu mempunyai semangat juang yang tinggi untuk berjaya. Jihad perniagaan merupakan satu syarat utama untuk mendapat kejayaan yang bersifat duniawi dan juga ukhrawi. Berjihad di dalam bidang perniagaan memerlukan persiapan yang lengkap demi membina jati diri Muslim agar tidak mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu. Selain itu, usahawan Muslim juga perlu mempersiapkan diri di dalam bidang ilmu dan kemahiran dan seterusnya, memperkukuhkan semangat jihad dengan berusaha semaksimum mungkin di dalam mencari harta dan dalam waktu yang sama, mereka perlu mempertahankan personaliti sebagai seorang Muslim yang tidak lari dari landasan syariat. Ini kerana kejayaan mereka di dalam bidang keusahawanan bukan untuk kepentingan diri semata-mata, tetapi lebih kepada membina kekuatan ummah dan juga membela agama. Justeru, kegagalan di dalam bidang ini, seharusnya tidak boleh diambil mudah kerana ianya akan mendorong kepada kelemahan yang akan mengheret umat Islam berada di dalam kemunduran dan tercicir kebelakang. (Yazilmiwati@ Hasni Yaacob, 2016).

2.0 : KEUSAHAWANAN DAN PERSAINGAN DALAM PERNIAGAAN

Islam adalah agama yang komprehensif, mencakupi segala aspek kehidupan termasuklah bidang keusahawanan (Abd Rahman, 2011). Meletakkan tauhid sebagai asas yang menjadi teras dan falsafah dalam menyusun prinsip-prinsip perniagaan Islam adalah satu perkara yang tepat. (Suwandi, 2016). Ini jelas menunjukkan Islam merupakan sebuah agama yang syumul (Saadan Man). Dengan sebab itulah Islam juga tidak meminggirkan soal keusahawanan bahkan meletakkan ia suatu perkara yang perlu untuk meletakkan umat Islam juga mampu bersaing dalam sektor ekonomi (Norlia Man, 2015).

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda ekonomi merupakan penanda aras paling utama. Dalam situasi negara sekarang ekonomi memerlukan kepada suntikan dana yang besar bukan sahaja membantu negara bahkan usahawan, peniaga dan rakyat jelata. Sebagaimana ucapan Perdana Menteri Malaysia Yab Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yasin "*Sejak pandemik COVID-19 melanda negara kita, Kerajaan*

telah melaksanakan tujuh program bantuan dan pakej rangsangan dengan nilai keseluruhan berjumlah 380 bilion ringgit. Setakat ini, sebanyak lebih 200 bilion ringgit telah disalurkan dan memberi manfaat kepada lebih 20 juta rakyat serta 2.4 juta perniagaan. Belanjawan 2021 pula bernilai 322.5 bilion ringgit dan masih berbaki 100 bilion ringgit untuk dibelanjakan sehingga hujung tahun ini. Maka, pada hari ini pula, sukacita saya ingin umumkan pelaksanaan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi atau PEMULIH. Nilai keseluruhan pakej PEMULIH berjumlah 150 bilion ringgit merangkumi suntikan langsung fiskal Kerajaan sebanyak 10 bilion ringgit. PEMULIH bertujuan untuk memberikan bantuan menyeluruh kepada rakyat dan tertumpu kepada tiga fokus utama iaitu Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat, Menyokong Perniagaan dan Meningkatkan Vaksinasi”(belanjawan, 2011). Kerajaan Malaysia juga telah melancarkan Geran Khas Prihatin Tambahan di bawah Pakej PERMAI (GKP PERMAI) juga disalurkan bertujuan memberi bantuan kewangan tambahan secara *one-off* yang disediakan oleh Kerajaan kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang telah menerima bantuan Geran Khas Prihatin (GKP 1.0 dan GKP 2.0) sebelum ini (belanjawan, 2021). Bantuan yang disalurkan ini boleh memberikan manfaat kepada para usahawan. Semua bantuan ini hanyalah bersifat sementara yang hanyalah sebagai penggerak ketika negara berhadapan dengan wabak covid 19. Namun yang menjadi kerisau ialah usahawan-usahawan muslim yang sangat terjejas ketika mana wabak ini melanda bahkan mereka juga ketinggalan dengan usahawan bukan muslim sebelum wabak ini melanda. Perkembangan keusahawanan dalam negara berada pada tahap yang tidak seimbang dengan usahawan bumiputra lebih menguasai bidang ini (Aminuddin, 2019). Fenomena ini tidak menjadi suatu kebimbangan pada suatu masa dahulu namun sekarang ia mencetus kebimbangan di kalangan bumiputera melihatkan keupayaan usahawan bumiputera untuk bersaing dengan usahawan bukan bumiputera. Contoh yang paling ketara apabila pada 6 April 2021, majalah perniagaan popular Amerika Syarikat, Forbes telah mengeluarkan senarai bilionair dunia menerusi laporan bertajuk, ‘Forbes Billionaires 2021: The Richest People in the World’.Seramai 2,755 bilionair telah disenaraikan pada tahun ini dengan nilai kekayaan keseluruhan berjumlah AS\$13.1 trilion (RM53.9 trilion). Daripada jumlah tersebut, 15 daripadanya merupakan usahawan dari Malaysia yang menceburkan diri dalam pelbagai bidang perniagaan dan hanya seorang bumiputra yang berada di dalam senarai tersebut iaitu Tan Sri Syed Mukhtar al-Bukhari. (Pengerusi Albukhary Group ini bukan sahaja terkenal dengan kekayaannya, malah turut terkenal dengan sikapnya yang suka bersederhana. Hartawan kelahiran Kedah berusia 69 tahun yang terlibat dalam perniagaan tenaga, pembinaan dan kejuruteraan ini berada di tempat ke-2378 dalam senagai Bilionair Dunia

2021. Dengan jumlah kekayaan sekitar AS\$1.2 billion (RM4.9 bilion), beliau juga merupakan manusia ke-13 terkaya di Malaysia) (Sinar Harian, 2021). Begitu juga dalam usahawan runcit yang kebanyakannya diceburi usahawan bumiputera sedang mengalami kemerosotan. Dengan masuknya syarikat-syarikat dari negara-negara membangun yang kebanyakannya ada syarikat bukan muslim. Mereka menggunakan segala kemahiran, kepakaran teknologi yang ada, dan kebudayaan mereka, untuk membuat kejutan kepada peruncit-peruncit di dalam negara dan membawa kelainan cara perniagaan antara usahawan bumiputra dan mereka. Secara ringkasnya, kebanyakannya pasaraya besar yang dimiliki oleh pelabur asing. Antaranya ialah Jaya Jusco Stores, Giant, Tmc, Tops Retails Malaysia, Makro Cash and Carry Distribution dan Tesco, dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan bahawa usahawan bumiputra agak ketinggalan dalam menyaingi usahawan bukan bumiputra. Menyedari masalah ini, bumiputra perlu bangkit dengan segera memperbetulkan kesilapan lama dan terus mengambil peluang yang semakin besar dalam persekitaran ekonomi dunia pada hari ini. (Abd Mu'min, 2005).

3.0 KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan model persaingan berasaskan maqasid al-Quran dan Sunnah. Yang mana pengkaji mendatangkan ayat-ayat al-Quran dan sunnah untuk menjadi faktor pendorong kepada prestasi keusahawanan itu sendiri, menjadi suatu lumrah seorang usahawan itu ialah amalan persaingan dan pertandingan yang menjadikan seorang usahawan itu lebih maju ke hadapan. Tanpa persaingan seorang usahawan itu akan berada pada takuk yang sama tanpa memikirkan strategi baharu untuk menjadikan perniagaan lebih kreatif dan inovatif. kemampuan kreativiti dan inovasi seorang usahawan menjadi pengubah strategi yang membawa kepada peningkatan prestasi perusahaan. Dengan adanya persaingan yang dinamik dan kuat, pengkaji mencadangkan untuk para usahawan meningkatkan prestasi keusahawanan dengan menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai pengkalan asas strategi persaingan untuk meningkatkan kemampuan kreativiti dan inovasi keusahawanan..

BIBLIOGRAFI

Ab. Mumin Ab Ghani, *Suhaili Sarif Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam*, 2005.

Abdul Rachman, *Strategi keusahawanan islam kajian terhadap peniaga kecil di Kecamatan Neglasari, Kota Tangerang, Indonesia*, 2011.

Abu Bakar Hamed, R. M. T. &Azizah O. (2018). Usahawan Wanita Muslim Berjaya: Amalan Gaya Hidup Islam. *International Journal of Islamic Business*, 3(1), 1–18.

Al-Izz Abdul Aziz Abdul Salam, (2000) *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*,

Beirut-Luban Darul Kutub al-Ilmiyah.

Amiluddin Bin Yusof, *Kualitas Hadis Tentang Kemiskinan Itu Mendekati Kekafiran (Telaah Kritis Sanad Dan Matan)*2008.

Ar-Raisuni, Ahmad, *Nazariyat Al-Maqasid Inda al-Imam Asy-Syatibi*, Riyadh, Arab Saudi, al-Dar al-Alamiyah Lil Kutub al-Islamiyah, cetakan keempat, 1995.

Fikriyati, U. (2018). *Maqasid al-Quran: genealogi dan peta perkembangannya dalam khazanah keislaman*. 'Anil Islam, 11(2), 1–21.

Khalid al-Durayyis, *Fahm al-Hadith fi Dhau' Maqasid al-Syariah: Ibn Taimiyyah Namuzajan*, h. 8.

Hamid, S. A., & Ishak, M. S. (n.d.). *Penghayatan Agama (Religiositi) dalam Pembangunan Keusahawanan*. 51–62.

Hunter, M (2014). *Entrepreneurship As A Means To Create Islamic Economy. Economics, Management & Financial Markets*, 9(1), 75.

Ibnu al-Qayyim. (2006). *Miftah Dar al-Saadah Wa Mansyuru Wilayah Ahlu al-Ilmi Wa al-Iradah*. Dar el-irfan.

Islam, T. (2011). *Maqasid al-Quran: a search for a scholarly definition*. *Al-Bayan*, 9, 189–207._

Islam, T. (2012). The Concept of “maqasid al-Quran”: its genesis and developments. *The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*, 9–24.

Islam, T. (2018). Ibn Ashur ’ s Views on Maqasid al-Quran : An Analysis. *Journal of Ma’alim Al-Quran Wa Al-Sunnah*, 14(2), 132–146.

Izz al-Den Abdul al-Salam. *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar alMaarrif, vol.1.

Khalid al-Durayyis, *Fahm al-Hadith fi Dhau' Maqasid al-Syariah: Ibn Taimiyyah Namuzajan*.

Latif, A. (2017). *Etika Persaingan Dalam Usaha Menurut Pandangan Islam*. *Islamic Economics Journal*, 3(2), 161.

Manna’ al-Kotton,(2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, al-maktabah al-Wahbah, .

Mahmud bin Ahmad Al-Dausari (2018). *al-Maqasid al-'Al-Azimah Lil-Sunnati al-Nabawiah*.

Mohammad Shafi (2000). *Business and Commercial in The Qur'an*. Dar al Islam Teachers' Institute Alumni News Letter

Mohd. Amin *Etika Perniagaan Islam: Pengalaman Usahawan Muslim Di Melaka* (2014) 442 - 450 Issn: 2231-962x

Mohd. Faizal P.Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, Suhaida Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, (2008). *al-Mustasfa Min Ilm al-Usul, Syarikat al-madinah al-Munawarah Lil Tiba'ah*.

Kajian Al Quran Dan Al Sunnah, (2016).

Rekarti, E., Bahari, Z., Zahari, N. M., Doktoralina, C. M., & Ilias, N. A. (2019). The Sustainability of Muslim Women Entrepreneurs: A Case Study in Malaysia. *International Journal of Financial Research*, 10(5), 430.

Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad *Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat* Jurnal Pengurusan 33(2011) 37 – 44.

Siti Anisah, A. @ Y. (2017). Ayat-ayat Al-Quran Berkaitan Bisnes: Satu Kupasan Buku. *Global Journal Al Thaqafah*, 7(1), 91–97.

Shuhairimi Abdullah, *Kriteria Usahawan Berjaya: Satu Perbincangan Dari Perspektif Islam*. International Journal Of Business And Technopreneurship Volume 1, Issue 2, June 2011.

Suhaila Nadzri dan Salmy Edawati Yaacob, *ciri-ciri akhlak usahawan muslim berjaya dan hubungannya dengan cara pengembangan harta serta matlamat hidup menurut perspektif al-qur'an*. Journal of Contemporary Islamic Law, tahun 2019 Vol. 4(1): 8-17e-ISSN: 0127-788X

Suhaila Nadzry, & Salmy Edawati Yaacoob. (2019). Ciri-ciri akhlak usahawan Muslim berjaya dan hubungannya dengan cara pengembangan harta serta matlamat hidup menurut perspektif Al-Qur'an. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(1).

Suraiya Ishak Suraiya, Abdullah Sanusi Othman Ahmad Rafli Che Omar Rafli, Amal Hayati Ishak, Mohd Fauzi Mohd Jani, *Pencapaian, Permasalahan Dan Strategi Perniagaan Usahawan Asnaf: Kajian Kes Di Negeri Selangor*, (2012) 750 - 761 Issn: 2231-962x.

Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasrudin Wan Abdullah, *Konsep Perniagaan Islam* Suwandi, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai dan Wan Nasrudin Wan Abdullah *Konsep Perniagaan Islam Kajian Al Quran Dan Al Sunnah*, 2016, e-ISSN: 2289-8042.

Syarifah Md Yusof, Abu Bakar Hamed, Raziah Md Tahir dan Azizah, *International Journal of Islamic Business e 2018 | VOL 3 ISSUE 1 | Page 01-18 eISSN : 0127-662X |*

Torrey, Charles Cutler, *the commercial theological terms in the koran*, 1892.

Yazilmiwati@ Hasni Yaacob. (2016). *Kajian Faktor Kejayaan dan Pencapaian Usahawan Muslim di Malaysia* (Vol. 1).

Rujukan internet

Aminuddin Yahaya, <https://www.malaysiakini.com/columns/491781>. Diterbitkan 13 Sep 2019, 11:20 am.

Dr. Saadan Man
https://www.jais.gov.my/Userfiles/User/Artikel/ARTIKEL_FIQH_SEMASA.Pdf
Fiqh Semasa: Konsep Dan Aplikasinya : Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
Mohd. Faizal P. Rameli, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Kalsom Ab. Wahab, Suhaida Mohd. Amin *Etika Perniagaan Islam: Pengalaman Usahawan Muslim di Melaka* (2014) 442 - 450
ISSN: 2231-962X

Firdaus Azil Oktober 24, 2019 13:52 MYT, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muslim-saifuddin-220901>.
-atau-bukan-muslim-landasan-perniagaan-terbuka-untuk-semua-

<http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/permai-gkp>

<http://belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/pemulih/teks-ucapan-pemulih.pdf>

<http://www.naasan.net/index.php>

<https://dorar.net/hadith/sharh/64657>

<https://serbanhijau.blogspot.com/2008/03/adakah-pasar-roya-besar-benar-benar.html>

<https://www.islamweb.net/ar/article/231985/%D9%85%>

<https://www.mycensus.gov.my/>

<https://www.isaham.my/stock/ame>

<https://www.isaham.my/stock/frontkn>

<https://www.isaham.my/stock/kossan>

<https://www.isaham.my/stock/liihen>

<https://www.malaysiakini.com/news/458641>Diterbitkan 2 Jan 2019, 9:48 pm

<https://www.marketscreener.com/quote/stock/C-LINK-SQUARED-LIMITED-105526518/company/>

<https://www.sinarharian.com.my/article/134585/BERITA/Nasional/15-orang-paling-kaya-di-Malaysia>. 12 April 2021.

Kay Suhaimi <https://iluminasi.com/bm/9-prinsip-orang-cina-yang-membuatkan-mereka-berjaya-di-mana-sahaja.html>23 mei 2018

NurulSyaida <https://www.ppim.org.my/mmga-fokus-anak-muda-kembalikan-kegemilangan-islam-malakat-17/06/2020>